

PM mahu Kemas tingkat nilai perkhidmatan

26/05/04 BH MS 2

Oleh Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) mempertingkatkan nilai perkhidmatan dan profesionalisme bagi memperbaiki lagi taraf kehidupan rakyat di luar bandar.

Perdana Menteri berkata, Kemas sebagai agensi kerajaan yang paling hampir dengan masyarakat luar bandar perlu lebih memahami kehendak generasi masa kini yang jauh berubah.

"Jika ini tidak dapat difahami, mungkin khidmat yang diberikan itu bukan khidmat yang dinantikan atau diharapkan penduduk di luar bandar.

"Justeru kita perlu meningkatkan keupayaan untuk berkhidmat supaya dapat meningkatkan kehidupan rakyat di luar bandar," katanya berucap pada majlis makan malam Perdana Menteri bersama Kemas di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini malam tadi.

Hadir sama isteri beliau, Datin Seri Endon Mahmood, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, Tim-

balan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr Awang Adek Husin dan Datuk Dr Tiki Lafe, serta Ketua Pengarah Kemas, Datuk Shagul Hamid Abdullah.

Majlis itu diadakan bagi meraikan kira-kira 3,000 pegawai dan kakitangan Kemas dari seluruh negara.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Kemas kerana berjaya mempertingkatkan taraf kehidupan rakyat luar bandar selama ini, Abdullah berkata, walaupun Malaysia pesat membangun dan semakin maju tetapi masih ada rakyat di beberapa kawasan di negara ini yang dibelenggu kemiskinan.

Justeru, kata beliau, amat penting untuk semua pihak di negara ini berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

"Kita mesti pastikan dalam jangka masa lima tahun daripada sekarang iaitu pada pilihan raya umum akan datang tidak ada lagi kemiskinan tegar di negara ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin usaha membasmi kemiskinan tegar di negara ini akan berjaya dengan usaha yang bersungguh-sungguh.



ABDULLAH (kanan) berbincang dengan Datuk Dr Tiki (kiri) sambil diperhatikan Aziz ketika menghadiri majlis makan malam Kemas di PWTC, semalam. - Gambar oleh Mohd Radzi Bujang

Katanya, berbeza dengan negara lain, Malaysia mempunyai program pembangunan luar bandar dan pembasmian kemiskinan yang unik menerusi kementerian khusus.

"Saya akan beri apa juga soko-

ngan supaya kementerian ini akan menjadi lebih maju dan berjaya," katanya.

Terdahulu, Abdul Aziz dalam ucapannya berikrar akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mening-

katkan taraf kehidupan rakyat luar bandar.

"Saya akan melakukan yang terbaik supaya penduduk miskin akan menikmati kehidupan lebih baik," katanya.